

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Thursday, November 8, 2018 9:01 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Prof. Tan Sri Dr. Lin See Yan Kongsi Pengalaman Di Universiti Harvard



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

**Universiti Utara Malaysia**

8 NOVEMBER 2018 / 30 SAFAR 1440H

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"**  
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Seksyen Media  
Gambar oleh: Unifilm

### **PROF. TAN SRI DR. LIN SEE YAN KONGSI PENGALAMAN DI UNIVERSITI HARVARD**



**UUM ONLINE:** Kuala Lumpur – Memiliki tiga ijazah lanjutan dari Universiti Harvard termasuk Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang ekonomi serta falsafah dan matematik, Prof. Tan Sri Dr. Lin See Yan telah berkongsi pengalaman beliau sepanjang tempoh di universiti terkemuka Amerika Syarikat itu pada Bengkel Pelan Strategik UUM Bersama LPU di EDC Hotel, baru-baru ini.

Dengan tajuk 'The Best of the Best 2018: The Harvard Experience', beliau yang merupakan Pengerusi Kelab Harvard Malaysia berkata, di Harvard, pelajar diajar untuk berfikir dan

bertindak secara kritikal selaras dengan sistem 'Liberal Arts Education' yang diamalkan mereka.

Menurutnya, *Liberal Arts* atau Sastera Liberal yang diguna pakai di universiti tersebut adalah bermatlamat memupuk pengetahuan am dan membangunkan kebolehan intelektual pelajar.

"Ia adalah bagi menimbulkan kesedaran kepada pelajar tentang dunia dan seterusnya melengkapkan mereka dalam menghadapi sebarang perubahan.

"Harvard juga merupakan tempat untuk melatih pemimpin-pemimpin Amerika termasuk Presidennya yang merupakan alumni Universiti Harvard ini," katanya yang juga Pengerusi Emeritus, Majlis Persatuan Siswazah Sekolah Alumni Universiti Harvard.


Menurut beliau lagi, Universiti Harvard antara universiti yang sukar untuk menerima kemasukan pelajar yang ramai, malah sejak penubuhannya 400 tahun lalu sehingga kini hanya terdapat kira-kira 20,000 pelajar sahaja.

Katanya, Harvard mementingkan kualiti berbanding kuantiti bilangan pelajar yang membolehkan mereka kekal berada di kedudukan teratas dalam Top 10 Schools 2018 oleh Wall Street Journal (WSJ).

Dalam sesi hampir dua jam itu, beliau turut berkongsi tentang senarai *Top 10 US Schools for Students Outcomes*, *Top 10 US Public Schools*, *Harvard Professional Schools* dan *Harvard Centres/Institutes of Excellence*.

Beliau berkata, untuk menjadi graduan Harvard mesti lulus dalam *aesthetic and interpretive understanding, culture and belief, empirical and mathematical reasoning, ethical reasoning, science of living systems, science of physical universe, societies of the world* dan *US in the world*.

Malah, tambah beliau, untuk sesebuah universiti menjadi yang terbaik juga, tidak semestinya melalui ranking kerana setiap universiti harus mempunyai kepercayaan dan keyakinan untuk menghasilkan yang terbaik serta melaksanakan sesuatu dengan baik dan betul.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.